

Buletin

Ramadhan 1445/ Mac 2024

ACIS

Memperbetulkan
fahaman
masyarakat,
Ramadan sekadar
bulan puasa



eISSN 2600-8289



9 772600 8289 1

RAMADAN: PERSIAPAN LAMA ATAU BARU?

Oleh:

Hisam Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

"Difardhkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah difardukan kepada mereka yang sebelum kamu, mudah-mudahan kamu bertaqwa"
(al-Baqarah:183)

Puasa itu menahan diri daripada makan dan minum buat sementara waktu selepas fajar hingga terbenamnya matahari dengan niat berpuasa. Tetapi jangan hanya melihat kepada larangan makan minum sahaja, kerana ia hanya sekadar berkait dengan nafsu yang tertahan dan keinginan yang sebentar terpenjara. Ia selari dengan apa yang dijelaskan oleh Nabi SAW: *"Puasa itu bukannya sekadar menahan daripada makan dan minum, tetapi puasa adalah mencegah diri daripada melakukan perbuatan sia-sia dan hina. Jika kamu dicaci atau disuruh melakukan sesuatu yang buruk, katakanlah kepada mereka sesungguhnya aku ini sedang berpuasa."* (Ibnu Khuzaimah)

Puasa itu bukan sekadar mengosongkan perut, mematahkan naluri kesyahwatan yang bergelora, walaupun niatnya ialah untuk mendapat taqwa. Oleh sebab itu jika perut ini hanya ditahan di waktu siang sahaja, maka peluang untuk nafsu makan itu nanti akan dilampiasikan pada waktu malam, sehingga kesyahwatan itu melonjak sekuat-kuatnya. Malahan tidak dapat diam jika dibiarkan menurut kebiasaannya sahaja. Jika beginilah maksud berpuasa maka ia bukannya menahan nafsu dan syahwat bahkan ia sebenarnya memberi tambahan kekuatan syahwat, memperlipat gandakan lagi keinginan yang semuanya itu tidak akan disia-siakan oleh syaitan untuk mengembalikan kita kepada keburukan.

Rupa-rupanya puasa itu ialah:

1. Menjaga pandangan mata dan menahan diri daripada melihat sesuatu yang tercela dan dibenci.
2. Menjaga lidah daripada senda gurau yang tidak berfaedah, berdusta, mengumpat, mengadu domba, memaki dan menunjuk-nunjuk amalan.
3. Menahan pendengaran daripada mendengar sesuatu yang dibenci kerana sesuatu perkara haram diucapkan maka haram juga mendengarnya. *"Orang-orang yang durhaka itu sesekali mendengarkan pembohongan dan makan dosa (yang diharamkan)"* (al-Maidah:42)
4. Menahan anggota tubuh daripada melakukan sebarang dosa. Mengelakkan perut memakan makanan syubhah lagi haram sepanjang berpuasa. Memastikan makanan berbuka adalah halal lagi bersih. *"Banyak sekali orang yang berpuasa itu, tetapi tidak ada yang diperolehi daripada puasanya kecuali hanya lapar dan dahaga sahaja (pahalanya lenyap)"* - An-Nasai dan Ibnu Majah
5. Mengurangkan makan secara berlebihan di waktu berbuka. Berpada dengan hidangan berbuka kerana ibadah Ramadan bukan tertakluk pada ibadah puasa sahaja, ada lagi ibadah solat tarawih yang memerlukan tenaga dan perut yang tidak terlalu kenyang.
6. Masih lagi hatinya merasa takut akan ibadah puasanya sama ada diterima atau tidak oleh Allah SWT. Justeru pengharapan penuh kepada Allah SWT agar segala ibadah sepanjang puasa diterima oleh Allah SWT.

SELAMAT MENYAMBUK RAMADAN AL-MUBARAK

Rujukan

Muhammad al-Ghazali.1989. Khuluq al-Muslim. Dar al-Khutub al-Islamiyyah.
Muhammad Jamaluddin al-Qasimi. 1975. Mau'izhatul Mukminin ringkasan dari Ihyā 'Ulumiddin. Maktabah al-Tijariyyah al-Kubro.